

Laluan Berkhutbah

Sebuah penerbitan Pusat Pengajian Lutheran di Seminari Teologi Sabah

Gereja sebagai sebuah Komuniti yang Kudus

Gereja terawal di Kolose bermula kira-kira sekitar tahun 52-55 Masihi sebagai salah satu tempat yang disebut di dalam Roma 19. Kunjungan tersebut kemungkinan diketuai oleh salah seorang daripada rakan Paulus, dan bukannya dilakukan oleh Paulus sendiri. Dalam Kolose 1:7, kesimpulannya, Epafras telah menjadi wakil Paulus di Kolose. Sebagai kiasan kepada orang yang tidak beragama menjelaskan bahawa dahulunya ramai di kalangan ahli jemaat merupakan orang bukan Yahudi. Di dalam surat tersebut menyebut bahawa Paulus telah mendengar laporan yang positif melalui cara gereja tersebut memberikan maklumbalas terhadap Injil dan juga melalui iman serta kasih. Dalam masa yang sama, Paulus berhasrat untuk memberikan peringatan kepada mereka tentang ajaran sesat yang perlu diambil perhatian. Menurut kajian, para pengkaji juga kurang pasti tentang maksud ajaran sesat ini, walau bagaimana pun, tiada penjelasan di dalam teks ini walaupun ianya mungkin merupakan sebuah ajaran yang menolak untuk mematuhi beberapa peraturan sebagai tanda atau sesuatu keperluan untuk kekudusan. Ajaran yang disebut oleh Paulus adalah terdapat ajaran –ajaran tentang malaikat atau kuasa - kuasa roh yang harus dimuliakan melalui tindakan-tindakan yang bersifat kudus. (2:8).

Ditulis oleh

**Rev. Dr. Eric Trozzo, Pengarah
Pusat Pengajian Lutheran
(Lutheran Study Centre) di
STS**

WE WILL NEVER
CHANGE THE WORLD
BY GOING TO CHURCH.
WE WILL ONLY
CHANGE THE WORLD
BY BEING THE CHURCH.

Teks: Kolose 3:12-17 (bersambung ke muka surat 2)

Tema utama surat tersebut adalah, ia merupakan peringatan bertentangan dengan hukum kekudusan melalui peraturan manusia (2:8, 20-22). Daripada memikirkan tentang peraturan-peraturan tersebut, orang Kristian haruslah menumpukan perhatian kepada yesus, yang berkuasa ke atas alam semesta (1:15-16). Paulus menjelaskan bahawa orang yang mempunyai latar belakang bukan orang Yahudi ialah mereka melalui kehidupan tanpa Yesus dan tanpa pengharapan, tetapi sekarang, kerana anugerah Allah, mereka mempunyai pengharapan di dalam Kristus, yang telah mematahkan kuasa dosa keatas kehidupan mereka. Ini terjadi apabila mereka bersatu dengan Kristus di dalam kematianNya dan dikuburkan pada saat mereka dibaptis. Dan Kristus juga yang mana melalui kebangkitanNya telah menjelma menjadi Tuhan untuk di surga dan juga di bumi, dan Kristus telah membangkitkan mereka bersama – sama dengan Dia. (2:2). Sebagai Allah kepada semua, Kristus telah melakukan segala yang diperlukan untuk penebusan. Peralihan diantara daripada kematian kepada pengharapan melalui kebangkitan akan membuahkan hasil dalam kehidupan mereka. Hasilnya ialah perubahan dalam sesebuah gereja kepada sebuah komuniti yang hidup untuk Kristus dan bukan untuk diri sendiri.

Gereja sebagai sebuah Komuniti yang Kudus

Teks: Kolose 3:12-17

Dalam bab ke-3 Kolose, isi penting adalah mengenai bagaimanakah kehidupan dalam Kristus itu. Ia mendorong pembacanya untuk membuang semua cara hidup yang lama yang penuh dosa dan, sekarang anugerahNya telah kita terima, untuk mengambil sifat-sifat yang berkaitan dengan perubahan dalam kehidupan. Di dalam ayat 12-17, Gereja adalah Umat pilihan Allah, dan yang juga disebut komuniti yang kudus. Komuniti seperti ini dikenali dengan kasih, belas kasihan dan damai. Ayat 16 menekankan tentang firman Tuhan yang diam di dalam komuniti tersebut. Dengan melakukan hal-hal seperti itu, membenarkan ajaran yang bijak dan memberi peringatan di antara satu dengan yang lain dan memberikan ilham untuk komuniti tersebut untuk menyanyi lagu puji-pujian ucapan syukur untuk Allah.



Hukum:

Paulus menjelaskan bahawa menjadi sebahagian daripada komuniti itu sebenarnya adalah satu hal yang indah. Setiap orang memiliki sifat rendah diri, baik hati dan sabar. Semua orang mengampuni seorang yang lain, mengasihi satu sama yang lain, dan mencari kedamaian dan keharmonian. Apakah yang lebih baik daripada itu? Siapakah yang tidak mahu menjadi sebahagian daripada komuniti seperti itu? Sungguhpun demikian, jika komuniti seperti ini yang sesebuah gereja itu amalkan, mengapa setiap gereja yang saya pernah pergi saya tidak pernah merasakan hal seperti ini? Mengapa gereja-gereja tersebut seringkali menjadi tempat dimana irihati, persaingan, individu lebih berminat untuk kepentingan diri sendiri daripada kepentingan orang lain? Pengalaman seperti ini yang dilalui oleh gereja-gereja tersebut sudah jauh berbeza dengan maksud Kesatuan Tubuh Kristus yang diketuai oleh Kristus berdiam dalam hati semua orang. Allah memerintahkan gereja menjadi sebuah komuniti yang kudus yang mengambil berat tentang orang lain. Tetapi realitinya adalah apabila kita berkumpul sebagai sebuah gereja, kita membawa bersama tujuan dan agenda yang menyebabkan perpecahan daripada kesatuan. Kadang-kadang perbezaan – perbezaan seperti ini berkaitan maksud yang mendalam tentang pendirian yang berkaitan dengan mengikut Yesus dengan setia, tapi selalunya perbezaan ini bermula daripada keinginan diri sendiri dan tidak terlalu peduli tentang iman. Jemaat di dalam sesebuah gereja selalu berbangga, suka mengampu dan suka menyakiti hati daripada bersikap sebaliknya seperti merendah diri, baik hati dan sabar. Sentiasa berdendam. Manusia seringkali lebih peduli tentang apa jawatan yang mereka pegang daripada melayani orang lain tanpa perlu memikirkan tentang jawatan yang mereka perlukan. Sebagai sebuah tempat dimana semua orang berkumpul, gereja menjadi tempat yang dipenuhi dengan dosa berbanding menjadi tempat berkumpul bagi komuniti yang mempunyai hati yang tulus dan dipanggil menjadi umat pilihan Tuhan. Daripada mengabaikan sahaja situasi seperti ini, ia sangat penting untuk mengetahui hal tersebut sebagai sebahagian daripada realiti dan kelemahan manusia, malah ia juga menghapuskan jurang yang menyebabkan kita berada jauh daripada Allah. Walaupun kita berdosa dan komuniti kita tidak sempurna kerana hal itu, Allah di dalam Kristus tidak menolak kita tetapi datang kepada kita untuk hadir di kalangan kita. Di dalam Kristus kita adalah umat pilihan Allah, seperti yang disebut di dalam ayat ke 12, meskipun kita masih penuh dengan dosa dan kita tidak menjalani kehidupan seperti yang Allah inginkan.

Gereja sebagai sebuah Komuniti yang Kudus

Injil:

Selain daripada realiti sebenar tentang dosa, firman Tuhan juga berdiam di dalam sesebuah gereja. Gereja bukan sahaja tempat dimana Firman Tuhan sering diperdengarkan melalui Alkitab dan khotbah, ia juga berdiam di dalam tubuh Kristus. Di dalam ayat 16 ia mengatakan, “Hendaklah ajaran Kristus yang penuh berkat meresap di hati kamu.” Sebagai orang Kristian, kita tidak hanya membaca alkitab dan mengingati bahawa Kristus berjalan di bumi dan mengajar dengan bijaksana. Kita tidak mengakui yang Kristus disalibkan dan bangkit. Kristus datang dan diam di dalam kita kerana kita telah mati kerana kehidupan kita yang lama dan bangkit bersama Kristus pada kehidupan yang baru. Malah dengan Roh Kudus yang ada didalam hati kita, Kristus yang hidup masuk dan benar-benar hadir di dalam hidup kita. Kehadiran Kristus tidak menghapuskan dosa-dosa di dalam kehidupan kita, tetapi malah merapatkan lagi jurang yang disebabkan oleh dosa. Walaupun kita penuh dengan dosa dan komuniti kita tidak sempurna kerana dosa, Allah melalui Kristus tidak menolak kita tetapi sebaliknya datang kepada kita dan hadir diantara kita. Di dalam Kristus kita adalah umat pilihan Allah, seperti di dalam ayat 12, walaupun kita masih dipenuhi dengan dosa dan kita tidak menjalani kehidupan yang sesuai dengan kehendakNya.

With arms outstretched on the cross. Jesus took holy God in one hand and sinful man with the other and brought the two together.

— Steven J. Lawson —

AZ QUOTES

Transformasi:

Kristus tidak menghapuskan jurang yang ada diantara kita dengan Allah kerana dosa-dosa kita. Kristus tinggal di dalam hati kita juga untuk mengubah kita. Kita boleh mengalami perubahan tersebut secara individu, tetapi bersama – sama dengan gereja kita, kita menjadi satu sebagai tubuh Kristus sama seperti kita bersatu sebagai orang Kristian mengasihi yang lain untuk mengasihi diantara satu dengan yang lain. Teks ini sebenarnya tidak menyebut secara jelas bahawa Kristus tinggal di dalam diri kita tetapi menegaskan bahawa Kristus boleh dibenarkan untuk tinggal dan diam di dalam kehidupan kita sepenuhnya. Kristus yang tinggal dan diam di dalam kehidupan kita itu bermaksud kehadiran Kristus sangat bermakna dan bukan sekadar merasa kehadirannya sahaja. Kristus mencurahkan kasihNya yang berlimpah di dalam hati kita, dan mula mengalir di dalam hidup kita. Ia dizahirkan daripada diri kita sendiri melalui bentuk kasih untuk satu yang lain. Kasih ini datang daripada setiap seorang daripada kita yang mengikat komuniti gereja kita di dalam kasih untuk satu dan yang lain, tetapi kemudiannya untuk mengasihi dunia. Apabila sesebuah gereja bertindak sebagai alat untuk menyebarkan Kasih Allah bukan sahaja jemaat di dalam gereja tersebut malahan juga menjangkau dengan penuh belas kasihan kepada semua orang yang memerlukan dengan kasih, dan juga benar-benar bertindak sebagai tubuh Kristus dan Kristus sentiasa ada bersama-sama. Ia telah berubah daripada tempat berkumpul bagi orang-orang yang berdosa kepada komuniti yang suci dengan Allah maha kudus. Sikap-sikap seperti kebaikan, kemanusiaan, kerendahan hati, sabar, kasih, memaafkan, damai dan harmoni adalah petanda tentang kehadiran Kristus. Semua ini adalah sikap-sikap yang ada pada Kristus bukan pada manusia. manusia dicobai di dalam komuniti dengan pelbagai pelanggaran tetapi Kristus menjadikan satu komuniti yang suci dan kudus.

Perubahan :

Walau bagaimanapun, Kristus tidak menmbalikan penyelesaian tentang dosa yang menyebabkan kita berada jauh daripada Allah. Kristus hidup di dalam hati kita juga mengubah kita.



Gereja sebagai sebuah Komuniti yang Kudus

Refleksi Teologi:

Kita seringkali menjadi seorang yang suci dan kadang-kadang menjadi orang yang berdosa. Disebabkan hal tersebut, kita sebagai orang-orang yang berdosa yang tiada pengharapan menjauh daripada Allah kerana dosa-dosa itu. Walaupun kita berdosa, Kristus menganugerahkan kita dengan kebenaran. Di hadapan Allah kita adalah orang-orang yang benar kerana kita adalah milik Allah, bukan kerana apa yang telah kita lakukan. Dengan Allah ada di dalam hati kita, kita dibentuk oleh kasih Kristus dengan mengasihi orang lain. Kita tidak boleh melepaskan diri daripada dosa-dosa kita, tapi kebenaran Kristus menjadi sebahagian daripada diri kita dari masa ke semasa. Bukan sahaja melalui seseorang tetapi ia juga melalui komuniti sesebuah gereja. Dosa adalah realiti dalam komuniti manusia dan gereja juga mampu untuk memperlihatkan perbuatan tentang kasih. Jemaat member penghiburan bagi ahli gereja yang sakit atau bersedih kerana kehilangan orang-orang yang tersayang. Gereja menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak bersekolah dan juga mengatasi masalah sebagai ibubapa. Gereja menyediakan keperluan tentang kesihatan untuk mereka yang memerlukan dan juga bimbingan bagi mereka yang menghadapi tekanan. Walaupun sesebuah gereja itu tidak sempurna, ia masih boleh bertindak sebagai alat untuk kasih Allah untuk dunia. Ini bukannya datang dari hati manusia tetapi Kristus yang diam didalam hati manusia, mengubah mereka melalui kebaikan kasih yang Allah ada untuk dunia. Gereja juga boleh menjadi institusi bagi mereka yang lemah dan juga manusia yang penuh dosa dan menjadi tubuh Kristus, orang-orang yang dipilih Allah menyerahkan diri mereka untuk melayani yang lain. Gereja tidak akan pernah menjadi sempurna seperti yang kita ingini atau bagaimana yang Tuhan ingini, malah Kristus akan sentiasa bekerja di dalamnya dan mengubahnya menjadi sebuah komuniti yang kudus. Di dalam iman, kita meletakkan harapan kita dengan apa yang Allah telah lakukan melalui kita sebagai orang-orang yang dipilih. Perbuatan Allah yang tinggal diam di dalam hati kita mengerakkan kita untuk menyanyi puji-pujian dan syukur, seperti yang tertulis dalam ayat 16, dan hantar lah kami keluar dari gereja kami sendiri untuk melayani orang lain yang memerlukan dengan kasih yang tidak berkesudahan yang Kristus telah tanamkan di dalam diri kami.

Dalam berkhotbah tentang teks ini, ia mungkin boleh menjurus kepada pendekatan secara moral kepada jemaat kerana mungkin merasakan mereka kekurangan dalam hal kekudusan dan komuniti yang saling mengasihi seperti yang Paulus jelaskan di sini. Dan juga hal yang penting mungkin akan diabaikan iaitu pekerjaan Kristus yang menjadikan komuniti seperti ini, bukannya pekerjaan manusia. Oleh itu saya ingin mencadangkan bahawa adalah lebih sesuai jika ketika menyampaikan firman ini, haruslah berfokus pada apa yang dimaksudkan dengan sepenuhnya berdiam bersama Kristus. Oleh itu, sebagai seorang kristian dan juga gereja Kristus sudah datang dan tinggal di dalam diri kita secara individu ataupun di dalam komuniti gereja kita sendiri. Mungkin kehadiranNya hanya samar-samar dan bukan dengan api yang menyala-nyala. Seiring dengan kita membenarkan kehadiran Kristus untuk bertumbuh bersama-sama didalam diri kita, kita akan diubah kepada orang yang kudus dan juga pengikut dalam komuniti yang kudus. Sangat penting di dalam berkhotbah adalah hal tentang perubahan kepada komuniti seperti ini dan bukan hanya terhad kepada perbuatan yang kudus dengan mengambil berat tentang orang lain dan menyanyi puji-pujian kepada Allah. Ia memang bagus dan satu sumbangan yang bernilai kepada komuniti di dalam gereja, tetapi kasih dan belas kasihan yang dibentuk di dalam komuniti sesebuah gereja harus mengatasi sempadan sesebuah gereja. Ia bermaksud tentang aliran daripada sebuah komuniti yang kudus dan menjadi dorongan untuk mengasihi dan melayani sebuah komuniti yang lebih luas. Menyokong semua yang memerlukan dan bertindak sebagai sebuah tubuh Kristus untuk mendekati masyarakat di seluruh dunia.

Gereja sebagai sebuah Komuniti yang Kudus

Apa kata para ahli Teologi;

“Tubuh Kristus telah meresap ke dalam setiap hati di seluruh dunia di dalam bentuk sebagai sebuah gereja. Orang-orang Kristian yang telah dibaptis, dibaptis melalui tubuh tersebut. Kristus telah datang kepadaNya dan menjalani kehidupannya sendiri dan mengambil dunia ini sebagai miliknya.” – Dietrich Bonhoeffer, Ahli Teologi Lutheran abad ke 20, *The Cost of Discipleship*, 259.

“Jika Yesus Kristus adalah Allah bagi sebuah gereja, oleh itu gereja adalah sebagai hambaNya. Ia adalah jemaat iaitu orang-orang yang mempunyai identiti sebagai umat Allah yang diambil daripada definisi kehambaan yang diperolehi daripada kehidupan Kristus, kematian dan kebangkitan. Dengan berdasarkan kepada definisi, gereja juga ada untuk orang lain kerana ia ditentukan oleh seseorang yang telah mati bagi orang lain di kayu salib.” – James Cone, Ahli Teologi Afrika-Amerika kontemporari, *“What is the Church?” Speaking Truth*, 124.

Puji-pujian:

Diatas Satu Alas (Puji-pujian Kristian #226)

Ambil Kesempatan Untuk Sucilah (Puji-pujian Kristian #187)

Mati, Kubur, Bangkit Serta Hu (Puji-pujian kristian #234)



Doa:

Allah yang pengasih, penuhi saya dengan firmanMu agar saya berkelimpahan dengan kasihMu. Ajari saya agar saya dapat mengangkat pujian dan pengucapan syukur kepada Mu dan bertumbuh bersama gerejaMu kepada sebuah komuniti dengan puji-pujian. Saya tahu saya selalu terikat dengan dosa, tetapi kami berdoa di dalam kuasa Roh Kudus Mu kami mungkin akan menjadi saksi yang kudus untuk KasihMu, dan belas kasihanMu untuk Dunia. Ajari kami menjadi umatMu yang penuh dengan sukacita dan melayani mereka yang memerlukan. Dalam nama Tuhan Yesus Kristus, Amen.

Kerendahan hati (membasuh kaki)

Tajuk : Kerendahan hati (membasuh kaki)

Musim Lent bermula pada 1 Mac tahun ini. Lent adalah peristiwa di dalam gereja iaitu kita mengikut Perjalanan Yesus ke Kayu Salib dan kubur. Dalam musim ini, kita mengingat kembali pada kesanggupan Yesus untuk mengorbankan diriNya untuk orang berdosa. Tempoh Lent adalah selama 5 minggu dan beberapa hari-hari istimewa yang akan dilakukan oleh jemaat. Lent bermula dengan Ash Wednesday, dengan mengambil peluang tersebut dengan penyembahan dan meletakkan tanda salib dengan menggunakan abu pada dahi kita. Selepas 5 minggu dengan pengakuan dosa dan memperingati bagaimana dosa-dosa kita telah membawa kepada kematian, kita akan beralih kepada Ibadah Palm Sunday. Dimana kita akan mendengar bagaimana orang ramai pada puji-pujian pertama bertajuk “Hosanna,” tetapi tidak lama kemudian, menjerit, “Salibkan Dia!”. Sepanjang minggu Kudus, banyak jemaat berkumpul untuk beribadah pada Maundy Thursday. “Maundy” berasal daripada perkataan Latin “mandat” atau “arahan”, apabila Yesus dengan penuh kerendahan hati membasuh kaki para muridNya, pada malam Perjamuan Kudus. Seringkali Pastor atau Majlis Gereja akan membasuh kaki para jemaat mereka. “Good Friday” pula ialah untuk mengingati Kematian Tuhan Yesus. Teks: Yohanes 13:1-17.

Ditulis oleh Rev.
Wendolyn Trozzo,
Penyelaras Jangkauan
Berjemaah untuk
Lutheran Study Centre
di STS



Teks Kitab Injil: Yohanes 13:1-17

Dari pembacaan teks tersebut, ia memberitahu kita isi kandungan daripada cerita tersebut: Ia berlaku ketika Paskah. Pada malam tersebut, Orang-orang Yahudi melakukan satu tindakan untuk memperingati apa yang Allah telah lakukan untuk menyelamatkan mereka. Bagi kita, kita melihat Yesus sebagai domba untuk korban bakaran iaitu darahNya akan menyelamatkan kita daripada kematian. (Keluaran 12). Disini, Yohanes 12:1-3 memberitahu kita bahawa kematian akan datang, iaitu manusia akan mengkhianati Yesus, tetapi kasih Tuhan tidak pernah berakhir. Yesus menunjukkannya dengan membasuh dan menjamu makanan untuk semua pengikutNya, termasuk Yudas.

Petikan ini menunjukkan konflik diantara kebaikan dan yang kejahatan dalam kehidupan dan desakan untuk kematian yang berlaku ketika Minggu Kudus, dan bagaimana kerendahan hati Yesus memberi kesan kepada konflik tersebut. Petikan ini juga mengingatkan kita bahawa di dalam Injil Yohanes, setiap satu tindakan Yesus memperlihatkan sesuatu tentang Yesus kepada para pengikutNya. Tindakan-tindakan ini termasuklah majlis perkahwinan di Kana, kebangkitan Lazarus, pemnyembuhan-pemnyembuhan, dan banyak lagi. Jadi, apakah yang didedahkan di dalam teks ini tentang Yesus? Yesus, ketika membasuh kaki dan juga ketika perbicaraan dan di kayu salib, rendah hati dihadapan Allah, rendah hati di hadapan para pengikutNya dan rendah hati di hadapan khalayak/orang Roma/ Iblis. Kerendahan diriNya memperlihatkan kasihNya untuk semua sama seperti kuasa yang ada pada Yesus yang digunakan untuk mengubah dan menyelamatkan dunia.

Kerendahan hati (membasuh kaki)

Taurat / Injil / Transformasi

Hukum / Injil / Transformasi

Teks ini mempunyai pelbagai cara untuk merujuk kepada kepada Taurat. (apa yang wajib kita lakukan,tapi gagal melakukannya.) . Injil (Bagaimana Yesus menyelamatkan kita dan memberikan kita harapan). Dan Transformasi (Apa yang kita dapat lakukan dengan cara yang baru disebabkan daripada kita mendengar Taurat dan Injil). Di sini ada beberapa contoh tentang bagaimana Taurat dikaitkan dengan Injil dan menuju kepada Transformasi. Seorang pengkhotbah akan melakukan yang terbaik untuk memilih satu set untuk difokuskan daripada memilih keempat-empat set tersebut.

Hukum:

Teks menamakan Yudas sebagai “Anak kepada Simon Iskariot”. Menekankan tentang bapa manusia dan peranannya di dalam dunia manusia dan juga kuasanya.

Yesus harus diletakkan pada kedudukan yang paling rendah. (peranan seorang hamba) dan harus mati dengan dahsyat (kemudian di kayu salib). Kata kerja di dalam ayat ke 4 iaitu membuka pakaianNya adalah perkataan yang sama digunakan di dalam Yohanes iaitu “menyerahkan kehidupanNya”. Yesus mengambil tugas dan kedudukan seorang hamba yang paling rendah, kerana kita.

Petrus mengatakan tidak kepada kasih dan persekutuan yang Yesus berikan kepada dia (ayat 8, “kamu tidak boleh mencuci kaki ku”). Petrus terlalu berbangga apabila tuannya menjadi hamba bagi sesiapa pun. Petrus bercakap bagi pihak murid-murid yang lain dan kita sendiri apabila dia mencuba untuk menolak cara Yesus merendahkan dirinya.

Injil :

Allah menamakannya Bapa Yesus, mengingatkan kita tentang Yesus datang daripada Allah, menerima tugasNya daripada Allah, dan akan pergi kepada Allah. Rumah Yesus adalah dengan Allah. Yesus berkongsi rumah syurgawinya dengan pengikutnya sebagai hadiah percuma

Di dalam ayat ke 12, Yesus kembali ke meja kerana dia melaksanakan Perjamuan Kudus. Ketika Perjamuan Kudus yang terakhir, kita melihat Yesus memberikan kita makanan yang abadi, mukjizat yang penuh kuasa. Injil yang Yesus lalui daripada direndahkan kedudukannya untuk dipermuliakan. Dosa-dosa kita tidak sepenuhnya boleh menbinasakan Dia.

Yesus tidak membenarkan Petrus berpaling daripadanya; Yesus berkeras untuk mencuci kakinya dan mengajarnya mengapa dia berbuat begitu. Semua pekerjaan di sini diselesaikan oleh Yesus; Yesus hanya meminta agar murid-muridnya (dan juga kita) meletakkan kedudukan kita di tangannya.

Transformasi :

Pembasuhan kaki memberikan satu perkongsian di dalam persekutuan dengan Allah. Yesus berperanan sebagai tuan rumah ketika peristiwa malam tersebut, dan sebagai tuan rumah, dia memanggil kita ke dalam rumah yang kekal bersama Allah.

Sepanjang minggu Kudus dan Easter, Yesus berubah daripada sifat manusia dan hamba kepada pengikutNya kepada kehidupan kekal.(menuju ke perjamuan yang kekal).dan hamba yang abadi (Dia membantu dan menyelamatkan dunia.

Yesus memberitahu Petrus bahawa dia sudah dimandikan (dibaptis). Dia tidak perlu dibaptis semula. Tetapi melalui pembasuhan kaki tersebut, Petrus dibawa kembali di dalam hubungan yang intim dengan Yesus. Pembaptisannya akan memimpinnya kepada Yesus bila-bila masa sahaja. Simbolik membasuh kaki itu untuk pertaubatan dan menjalin semula hubungan dengan Yesus.

Gereja sebagai sebuah Komuniti yang Kudus

Di dalam ayat 1-11, kita dipanggil untuk melayani. Ini adalah sesuatu yang harus kita lakukan, tetapi kita sering juga melakukannya dengan tidak baik dan untuk sebab-sebab yang salah.

Ayat 1-11 memperlihatkan kepada kita tentang peranan kita sebagai pengikut di ketika ini untuk mencuci kaki satu dengan yang lain.

Ayat 12-20 menunjukkan Yesus melayani kita, bukan kerana kita menerima kasihNya, tetapi kerana Dia seorang yang pengasih. Yesus telah memberikan kita satu contoh tentang kasih dan memberikan kuasa/ mengajar dan memerintahkan kita untuk mengasih yang lain. Ayat 12-20 juga memperlihatkan kasih Yesus.

Yesus memanggil dan menguatkan kita untuk melayani orang lain, kerana kita telah dilayani oleh Nya.

Dengan melayani Allah yang kita kasih, kita menunjukkan Yesus kepada dunia, dan kita menunjukkan diri kita dengan identiti sebagai hamba yang setia.



Refleksi Teologi keatas Doktrin:

Kunci utama tentang cerita Yesus membalut sehelai tuala di pinggangNya dan berlutut di kaki para pengikutnya. Bagi Petrus, ini tidak wajar dan tidak boleh diterima. Ketika jamuan, pada ketika itu, tuan rumah akan menyediakan satu besen air dan mungkin mengarahkan seorang hamba yang paling rendah kedudukannya untuk membasuh kaki para tetamu. Apabila kita memikirkan tentang taurat/injil/transmansi, soalan pertama kita adalah "apa yang Allah lakukan di sini?" petikan ini tidak menunjukkan apa yang akan dilakukan oleh para pengikutNya untuk menyelamatkan diri mereka dan juga dunia. Para pengikut tidak membasuh kaki Yesus (walaupun Petrus mencuba untuk melakukannya!). Tidak, Yesus mengambil peranannya sebagai seorang hamba

dengan penuh kerendahan hati dan membasuh kaki para pengikutnya. Di dalam injil Yohanes, Yesus akan menderita kesakitan dan penghinaan untuk kita. Yesus merendahkan dirinya sebagai kuasa untuk melawan orang-orang yang menentang dia. Kasih Yesus tidak pernah berakhir hanya dengan sebatan, mahkota duri dan juga salib yang mereka berikan itu. Senjata-senjata ini akan menjadikan para pengikut berfikir bahawa sikap merendah diri adalah pilihan yang salah bagi Yesus – mereka akan berfikir bahawa Dia tidak menyelamatkan sesiapa. Tetapi Yesus, seperti benih yang ditanam di tanah, bertumbuh dengan hidup yang baru; dan benih tersebut bertumbuh menjadi tanaman yang akan dijadikan sebagai tempat untuk berlindung bagi semua mereka yang memerlukan.

Oleh itu apa yang Allah lakukan di sini, di dalam cerita membasuh kaki? Allah di dalam Kristus sedang menunjukkan, mengambil berat kepada setiap pengikutnya; Allah di dalam Kristus menolak keinginan untuk kedudukan di dunia dan juga kekuasaan. Allah di dalam Kristus menunjukkan bahawa Yesus seorang yang hamba yang merendah diri dan Yesus adalah seperti domba yang dikorbankan untuk paskah yang boleh mengubah dunia melalui pengorbananNya. Kita juga mendengar tentang mandat (perintah) daripada Yesus, yang dipadankan bersama dengan Amanat Agung di dalam matius 28:16-20. Di sini, di dalam Yohanes 13:14-17, kita mendengar tentang perintah untuk membasuh kaki dan menjadi hamba kepada satu dengan yang lain. Melalui perbuatan yang sungguh merendah diri ini kita berubah dan mampu untuk berkongsi mesej di dalam Injil dan melalui kasih kita mengubah dunia, dengan merendah diri tetapi bersukacita dan dikuatkan dengan kuasa Roh Kudus.

Kerendahan hati (membasuh kaki)

Apakah pendapat para ahli Teologi?

Rudolph Bultmann, seorang yang terkenal pada abad ke-20 sebagai pakar alkitab, penulis dan professor, menyatakan: “Tema sebenar tentang (ayat 1-11) ialah persekutuan dengan Yesus; ini menunjukkan ianya bermula pada peristiwa yang bercangah dengan sebab-sebab munasabah, termasuklah seperti pekerjaan yang dilakukan oleh Yesus, kuasa yang ada dalam Yesus yang boleh membuktikan siapa diriNya yang sebenar... jika (para murid) bersedia untuk menyandarkan kehidupannya pada peristiwa tersebut sahaja. Bahagian kedua (ayat 12-20) menambah bahawa persekutuan pengikutNya dengan Yesus dalam masa yang sama membuka persekutuan di kalangan mereka dan ia adalah yang pertama sekali akan muncul, yang kemudiannya harus dilaksanakan menjadi realiti melalui tindakan para murid-muridNya.” Daripada *The Gospel of John: A commentary*, Mukasurat 476-479.

“...membasuh kaki bukan hanya membawa maksud sekadar simbolik tentang pelayanan yang luarbiasa. Yesus mahu berkongsi tentang peribadi, yang lemah, saat – saat terindah dengan setiap seorang sahabat yang dikasihi. Saya tertanya-tanya samaada menghabiskan masa dengan setiap seorang akan memberikan Dia penghiburan kerana dia akan ditangkap dan disalibkan. Saya juga tertanya-tanya samaada tuduhan yang diterima kurang tentang pelayanan dan lebih kepada hal tentang hal yang utama: kasih yang tiada sempadan.” – Alaina Kleinbeck, Pengarah Duke Youth academy
<https://www.faithandleadership.com/alaina-kleinbeck-foot-washing-about-love-not-just-servanthood>

“[di dalam kegembiraan menyambut Palm Sunday,] ketua mereka tidak menyanyi. ‘apabila dia menghampiri dan melihat Bandar tersebut, ia menangisinya.’ (Lukas 19-41). Ya, impian mereka akan menjadi kenyataan. Tetapi bukan seperti apa yang mereka bayangkan. Dia bukannya Raja yang mereka nantikan. Dia bukan seperti seorang raja yang sudah uzur yang duduk di singgahsananya dengan dipenuhi intan dan berlian, memberikan keadilan dan kebijaksanaan. Dia bukannya pahlawan –raja yang diingini... Dia menunggang seekor keldai. Dan dia sedang menangis, menangis kerana dia akan mati, menangis untuk pedang yang akan menusuk jiwa mereka yang setia denganNya. Menangis untuk kerajaan yang tidak akan datang seperti yang sepatutnya.” – N.T. Wright, *Simply Jesus*, mukasurat 1.



Bacaan tambahan... liturgi untuk Maundy Thursday

<http://www.liturgybytlw.com/lent/maunFW.html>

teks-teks berkaitan: Lukas 17:7-10, Yohanes 13:14-17; Markus 10:42-45 (pelayanan); yesaya 53 (nyanyian oleh hamba yang menderita).

Doa:

Bapa kami yang di Surga, kami berterima kasih untuk kesetiaan Engkau dan kerana telah menghantar anak Mu Yesus, untuk menjadi contoh kepada kami dan untuk menyelamatkan kami. Tanpa Engkau, oh Tuhan, kami tidak bermakna apa-apa. Biarlah kami terus dekat dengan Engkau, sucikan kami melalui baptisanMu dan bantulah kami untuk bertaubat atas pelanggaran-perlanggaran kami. Sepanjang perjalanan kami dalam kehidupan kami, basuhlah kaki kami dan undanglah kami ke dalam rumah Mu yang kekal. Bawalah kami ke meja perjamuan bersama Engkau, dan bantulah kami untuk member makanan rohani bagi mereka yang lapar dan pengetahuan tentang Engkau. Semoga kita akan menjadi saksi untuk cerita yang ada di dalam alkitab dan dalam masa yang sama memperlihatkan kasihMu kepada kami. Di dalam nama Yesus kami berdoa, Amen.